

## **NOTIS DATA DAN MAKLUMAT PERIBADI**

(Pemohon Pekerjaan)

### **1. Pengumpulan Data Peribadi**

Sepanjang tempoh anda bekerja dan/atau dijangka bekerja dengan MFMA Development Sdn Bhd (“Syarikat”), anda perlu memberikan kepada kami data tentang diri anda dan keluarga anda atau untuk Syarikat mengumpul maklumat tentang anda yang tertakluk kepada undang-undang perlindungan data terpakai, privasi atau sebarang undang-undang yang berkaitan (secara kolektif “**Data Peribadi**” anda) dari semasa ke semasa. Disamping maklumat yang diberikan anda melalui permohonan pekerjaan anda, Syarikat boleh mendapatkan Data Peribadi anda daripada pelbagai semakan sejarah pekerjaan, semakan latarbelakang atau dari pelbagai pihak berkuasa kerajaan.

### **2. Sifat Data Peribadi**

Data Peribadi berkaitan dengan anda mungkin termasuk salinan dan lain-lain butir dokumen pengenalan, bukti alamat dan butir-butir hubungan lain, maklumat tentang usia, status perkahwinan, asal bangsa atau etnik, kepercayaan kredit/kewangan, kesihatan mental atau fizikal atau keadaan perubatan, pilihan pemakanan, perbuatan melakukan atau dakwaan tentang perbuatan melakukan sebarang kesalahan atau prosiding bagi sebarang kesalahan yang dilakukan atau didakwa dilakukan termasuk salah laku yang lalu, pelupusan prosiding tersebut atau hukuman oleh mana-mana mahkamah dalam prosiding tersebut. Syarikat boleh memohon untuk salinan asal dokumen-dokumen diberikan oleh anda semasa proses temuduga.

### **3. Kesan daripada kegagalan untuk membekalkan maklumat**

Kegagalan untuk membekal Data Peribadi mungkin menjejaskan prospek pekerjaan anda atau menjejaskan keupayaan Syarikat untuk melaksanakan obligasinya dibawah sebarang kontrak pekerjaan yang dijangka atau kontrak pekerjaan sedia ada atau keupayaan anda untuk menikmati manfaat daripada penggajian anda dengan kami. Permohonan pekerjaan anda mungkin ditolak jika maklumat yang diberikan adalah tidak mencukupi atau tidak tepat.

### **4. Pemprosesan Data Peribadi**

Data Peribadi yang disediakan oleh anda akan dikumpul, digunakan dan sebaliknya diproses oleh Syarikat bagi tujuan-tujuan yang berikut :-

- a. Pengurusan dan/atau tujuan Sumber Manusia, termasuk: -
  - i. Pengenalpastian dan penentuan tentang kelayakan untuk pekerjaan dan kelayakan yang relevan kepada penggajian dengan Syarikat;
  - ii. Penentusahan pra-pekerjaan terhadap maklumat yang disediakan oleh bakal pekerja yang termasuk: menyemak ketepatan dan kesempurnaan

- maklumat (contohnya kelayakan) yang disediakan oleh bakal/calon pekerja;
- iii. Penapisan pra-pekerjaan latar belakang bakal pekerja dan keadaan yang mungkin termasuk: memeriksa latar belakang berhubung dengan rekod jenayah, mendapat maklumat dari biro-biro kredit untuk memeriksa kepercayaan kredit pekerja, menjalankan pemeriksaan rujukan berhubung dengan kesesuaian kerja pekerja;
  - iv. menilai prestasi kerja individu, kehadiran dan rekod disiplin;
  - v. mengendalikan prosiding tatatertib pekerja, dimana perlu;
  - vi. mengendalikan latihan pekerja;
  - vii. mendapat dan menyenggara rekod kesihatan pekerja dan maklumat yang termasuk: memerlukan anda melengkapkan soal selidik perubatan atau menjalankan pemeriksaan perubatan;
  - viii. mengulas gaji, bonus dan lain-lain manfaat;
  - ix. menyediakan rujukan pekerja termasuk: surat kepada pihak ketiga memberi butiran penggajian pekerja (tidak termasuk maklumat gaji) dengan Syarikat;
  - x. memantau pematuhan polisi Syarikat;
  - xi. pendedahan kepada pekerjaan, cukai dan / atau pihak imigresen
  - xii. segala perkara lain yang berkaitan penggajian anda dengan Syarikat yang difikirkan perlu atau sesuai/bersesuaian oleh Syarikat.
- b. Pelaksanaan proses perniagaan termasuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan.

## 5. **Pendedahan**

Data Peribadi yang diberikan kepada Syarikat dan mana-mana agensi pekerjaan atau perekrut yang dilantik oleh Syarikat berkaitan penggajian anda dengan Syarikat secara amnya akan dirahsiakan tetapi anda dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada kami untuk menyediakan atau mendedahkan Data Peribadi anda bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berikut sama ada di dalam atau di luar Malaysia:-

- a. semua syarikat-syarikat yang berkenaan, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat induk, syarikat- syarikat bersekutu dan mana-mana syarikat kumpulan Syarikat (secara kolektif, "Kumpulan");
- b. kepada pelanggan Syarikat, di mana maklumat tersebut diperlukan bagi Syarikat untuk memberi perkhidmatan yang sepatutnya kepada pelanggan-pelanggannya;
- c. mana-mana orang yang diwajibkan atau dikehendaki Syarikat untuk berbuat demikian di bawah undang-undang, atau sebagai tindak balas kepada agensi kompeten atau agensi kerajaan;

- d. mana-mana orang di mana kepentingan awam atau kepentingan kami memerlukan pendedahan;
- e. mana-mana syarikat, agen atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, perkhidmatan senarai gaji komputer atau perkhidmatan lain kepada Syarikat berhubung dengan perniagaannya;
- f. mana-mana orang yang memohon rujukan pekerjaan;
- g. pencen atau syarikat-syarikat insurans di mana Syarikat telah mengaturkan perlindungan manfaat untuk pekerjaanya; dan
- h. mana-mana subkontraktor atau perkhidmatan pihak ketiga atau penyedia produk sebagaimana Syarikat anggap perlu atau sesuai.

## **6. Pelindung**

Kami akan berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan pentadbiran dan perlindungan keselamatan dan prosedur yang sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemprosesan Data Peribadi anda dalam cara yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan yang tidak disengajakan terhadap Data Peribadi anda.

## **7. Pemindahan dan Perkongsian Data**

Sekiranya kami menganggapnya perlu atau sesuai bagi tujuan penyimpanan atau pemprosesan data atau pengurusan sumber manusia, kami mungkin memindahkan Data Peribadi anda kepada entiti Kumpulan yang lain atau penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga di dalam atau di luar negara dalam keadaan sulit dan pada tahap perlindungan keselamatan yang mencukupi. Pemindahan data tersebut hanya akan dibenarkan untuk dilaksanakan jika dibenarkan oleh undang-undang dan di mana Syarikat berpuas hati dengan tahap pelindung keselamatan yang mencukupi untuk melindungi integriti dan kesulitan data tersebut.

## **8. Hak Akses dan Pembedulan Anda**

8.1 Anda mempunyai hak untuk meminta akses dan pembedulan maklumat tentang anda yang dipegang oleh Syarikat dan anda boleh:-

- a. menyemak sama ada Syarikat menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan meminta akses kepada data tersebut;
- b. meminta agar Syarikat membetulkan sebarang Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau ketinggalan zaman;
- c. meminta agar Data Peribadi anda disimpan oleh Syarikat hanya selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan data tersebut dikumpul;
- d. meminta agar Syarikat menyatakan atau menjelaskan dasar dan prosedurnya berkaitan dengan data dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh Syarikat; dan
- e. menarik balik, dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, kebenaran anda yang diberikan sebelum itu.

dalam setiap keadaan tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang terpakai, syarat-syarat kontraktual dan tempoh masa yang munasabah. Berhubung dengan perenggan 8.1(e) di atas, sila ingat bahawa meskipun anda menarik balik kebenaran anda, Syarikat masih boleh terus memproses Data Peribadi anda dalam keadaan yang diiktiraf dan dibenarkan oleh undang-undang.

- 8.2 Permintaan bertulis bagi akses kepada Data Peribadi atau pembedahan dan/atau pemadaman Data Peribadi atau bagi maklumat tentang dasar dan prosedur dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh Syarikat hendaklah ditujukan kepada:

Nama : Tatsuro Irino (Mr.)  
Jawatan : Pengurus Besar Eksekutif  
No Tel : + 603 8777 9222  
Faks : + 603 8777 9200  
Emel : t-irino@mitsuifudosan-asia.com  
Alamat : Mitsui Outlet Park KLIA Sepang,  
Persiaran Komersial,  
64000 KLIA, Sepang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Dengan mengemukakan permohonan pekerjaan anda kepada Syarikat anda telah membaca, memahami dan bersetuju sepenuhnya kepada Data Peribadi dan Notis Maklumat.